

Haron Din pertahan Najib, tuduhan WSJ tidak logic
The Malaysian Insider
July 5, 2015

PAS hari ini dilihat mempertahankan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak daripada skandal terkini susulan pendedahan The Wall Street Journal (WSJ) mengenai aliran wang berbilion ringgit ke dalam akaun peribadi beliau.

Akhbar milik Umno, Utusan Malaysia memetik Mursyidul Am PAS, Datuk Dr Haron Din yang menyifatkan dakwaan WSJ itu tidak logic dan menggesa siasatan dilakukan terlebih dulu.

Katanya, jika seseorang individu hendak mengambil dana awam untuk tujuan tertentu, dia akan menggunakan akaun sulit dan bukannya menerusi akaun peribadi.

"Oleh itu, saya merasakan laporan itu mesti disiasat kebenarannya sama ada benar atau tidak.

"Jika sebelum ini banyak laporan dikaitkan dengan perdana menteri dan syarikat 1Malaysia Development Bhd (1MDB), tetapi setelah dijelaskan satu persatu, banyak berita didapati tidak benar," katanya dipetik akhbar itu, hari ini.

Pemimpin itu berkata artikel terbabit dianggap tuduhan berat, kerana boleh menjejaskan ekonomi negara menerusi kehilangan kepercayaan dalam kalangan pelabur.

Jumaat lalu, WSJ memetik dokumen siasatan ke atas syarikat sarat hutang oleh pihak berkuasa Malaysia, yang menunjukkan berbilion ringgit dimasukkan ke dalam peribadi Najib pada 2013.

Najib menafikan dakwaan itu dan kini berdepan gesaan supaya mengundur diri bagi membolehkan siasatan telus dilakukan.

Sebuah pasukan khas yang disertai peguam negara, polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) ditubuhkan bagi menyiasat dakwaan WSJ.

Sementara itu, Utusan melaporkan dalam perkembangan lain, menyatakan Majlis Syura Ulama PAS akan mengadakan mesyuarat sebelum Aidilfitri bagi membincangkan usul memutuskan hubungan dengan DAP.

Beliau pada masa sama mengingatkan DAP tidak perlu melatah dan membuat pelbagai tuduhan terhadap PAS kerana usul tersebut belum diputuskan di peringkat tertinggi parti.

"Majlis Syura baru saja dibentuk kerana badan ini terdiri daripada wakil Jawatankuasa PAS Pusat, Dewan Ulama, Pemuda dan Wanita yang dipilih dalam muktamar baru-baru ini.

"Jadi soal siapa tolak siapa tidak perlu diperbesarkan kerana usul ini belum diputuskan," katanya. – 5 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/haron-din-pertahan-najib-tuduhan-wsj-tidak-logik>